

JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (2) November 2022 (001-009)

Analisis Wacana Persekitaran dari Perspektif Ekolinguistik

¹Mohammad Fadzeli Jaafar & ²Azhar Jaludin

¹fadzeli@ukm.edu.my, ²azharj@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh terima : 10 September 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 5 Oktober 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2022
Published online

Abstrak

Ekolinguistik ialah interdisiplin di antara bidang ekologi dan linguistik. Ekolinguistik lazimnya tertumpu pada analisis teks yang berkaitan dengan isu persekitaran, misalnya pencemaran sekitar dan perubahan iklim. Makalah ini meneliti laporan akhbar *Harian Metro* tentang pencemaran alam sekitar di kawasan tertentu, di Malaysia. Kajian ini berdasarkan model analisis bahasa dan ekologi oleh Stibbe (2015). Analisis akan difokus pada aspek penilaian, iaitu cara cerita pencemaran dipersembahkan, sama ada positif atau negatif. Hasil kajian ini mendapati wacana akhbar menggunakan pola leksikal yang positif tentang isu pencemaran, iaitu pembaikpulihan dan penguatkuasaan. Manakala pola leksikal yang negatif bertujuan untuk menggambarkan malapetaka dan kesakitan. Kajian ini menyumbang dari segi pengenalanpastian leksikal yang berkaitan dengan ekologi dan cara komuniti berinteraksi dengan persekitaran fizikal.

Kata kunci: ecolinguistik, linguistik, persekitaran, leksikal, wacana

Environmental Discourse Analysis from an Ecolinguistic Perspective

Abstract

Ecolinguistics is an interdisciplinary between ecology and linguistics. Ecolinguistics usually focuses on the analysis of texts related to environmental issues, for example environmental pollution and climate change. This paper will examine Harian Metro's report on environmental issues in Malaysia. This study will be based on the linguistic and ecological analysis model by Stibbe (2015). The analysis will be focused on the evaluation aspect, that is how the pollution story is presented, whether positive or negative. The results of this study found that the newspaper discourse used positive lexical items related to rehabilitation and enforcement efforts. While the negative lexical is used to describe disaster and hurt. This study contributes in terms of lexical identification related to ecology and how communities interact with the physical environment.

Keywords: ecolinguistics, linguistics, environment, lexical, discourse

1. Pengenalan

Pada abad ke-21, isu persekitaran telah menjadi isu kebangsaan dan antarabangsa. Misalnya isu perubahan iklim sering diperkatakan sebagai suatu ancaman yang bersifat global. Hal ini disebabkan oleh aktiviti manusia, misalnya penebangan hutan, pembakaran bahan api, perladangan, pengangkutan dan penggalian minyak. Fenomena perubahan iklim telah menyebabkan peningkatan aras laut, gelombang panas, ribut, pencairan bongkah ais dan terjadinya perubahan musim. Secara tidak langsung, gejala ini akan memberi cabaran kepada kehidupan komuniti manusia dan haiwan. Isu persekitaran yang disebutkan ini telah lama dibahaskan oleh para saintis dan ahli persekitaran, sementara pihak media masih agak baru melaporkannya (Khalil, Husin. Mahat & Nasir, 2011). Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menyiasat bagaimana isu persekitaran dilaporkan oleh akhbar di Malaysia. Akhbar online *Harian Metro* telah dipilih sebagai data kajian kerana ia merupakan platform yang paling pantas, ringkas dan mudah dicapai oleh pelbagai golongan masyarakat. Berdasarkan laporan firma penyelidikan pengguna dan media, Nielsen Malaysia, *Harian Metro* menguasai pasaran sejak 2009, iaitu hampir 20% daripada keseluruhan pembaca akhbar di negara ini. Akhbar ini melaporkan berita terkini di dalam dan luar negara. Kajian ini akan menganalisis penggunaan leksikal yang berkaitan dengan isu persekitaran berdasarkan analisis wacana. Secara sederhana, analisis wacana dalam kajian ini akan dilakukan dari aspek ekolinguistik, iaitu meneliti hubungan yang wujud di antara bahasa dengan ekologi.

Setakat ini, kajian ekolinguistik telah banyak dilakukan dan meliputi pelbagai jenis wacana misalnya, wacana pengiklanan oleh Hogben (2008), wacana ekonomi oleh Stibbe (2005), wacana persekitaran oleh Alexander (2010), wacana ekopelancongan oleh Milstein (2011), wacana perubahan iklim oleh Doulton & Brown (2009) dan wacana komunikasi budaya oleh Kinefuchi (2018). Dalam tahun kebelakangan ini, kajian ekolinguistik mula memberi perhatian tentang pendekatan yang sesuai digunakan untuk menganalisis wacana yang berkaitan dengan ekologi. Misalnya, Todd (2014) mendapati bahawa method ekolinguistik yang sering digunakan untuk analisis ialah Analisis Wacana Kritis, Teori Metafora Konseptual dan Linguistik Fungsional. Ada pengkaji lain, misalnya Chen (2016) yang mencadangkan analisis kandungan (*content analysis*) sebagai pendekatan yang sesuai untuk wacana ekologi. Kajian ini turut menganalisis kandungan wacana akhbar yang berkaitan dengan isu persekitaran. Dalam hal ini, analisis akan tertumpu pada leksikal yang berhubungan secara langsung dengan objek persekitaran (Stibbe, 2015) dan menganalisis cara idea dipersembahkan dalam wacana yang memberi kesan kepada isu persekitaran. Menurut Stibbe (2015), ekolinguistik meneroka pola bahasa yang dapat mempengaruhi cara manusia berfikir tentang alam ini. Dalam perkataan lain, ekolinguistik menyiasat penggunaan bahasa yang dapat menggambarkan pandangan hidup (*world view*) tentang alam sekitar atau cara manusia berinteraksi dengan persekitaran fizikal.

2. Sorotan Literatur

Isu persekitaran telah dikaji dalam pelbagai jenis data, misalnya dokumentari, surat khabar, artikel dan laman sesawang. Misalnya Sedlaczek (2015) telah menyiasat isu perubahan iklim dalam konteks dokumentari televisyen di Austria, dengan menggabungkan pendekatan analisis wacana kritis dan multimodal. Jhapet dan Komolafe (2015) pula mengkaji laporan isu persekitaran dalam tiga akhbar kebangsaan di Nigeria, iaitu *The Punch*, *The Vanguard* dan *ThisDay*, yang diterbitkan pada bulan Februari, Jun dan Ogos, 2013. Didapati bahawa akhbar di Nigeria lebih mengutamakan berita politik, sukan dan hiburan berbanding isu persekitaran, walaupun hakikatnya masalah pencemaran alam sekitar di negara tersebut adalah serius. Selanjutnya, Norton & Hulme (2019) telah mengkaji isu perubahan iklim dalam editorial akhbar kebangsaan di United Kingdom. Terdapat 4 cerita perubahan iklim yang mendorong perbualan kebangsaan tentang perubahan iklim di United Kingdom, iaitu *Lukewarmer*, *Ecoactivist*, *Smart Growth Reformer* dan *Ecomodernist*. Naratif perubahan iklim ini dipersembahkan dalam lima editorial suratkhbar tersebut, iaitu pada tahun 2001, 2007 dan 2015, yang kemudiannya dianalisis berdasarkan kerangka ekolinguistik. Hasil kajian mendapati bahawa cerita perubahan iklim telah menunjukkan perubahan yang ketara dalam editorial pada tahun-tahun tersebut.

Seterusnya Jihan Hassan, (2019) cuba mengkaji artikel tentang perubahan iklim di Mesir, menggunakan teori sistemik fungsional dari perspektif ekolinguistik. Kajian ini menfokus aspek transitiviti yang terdapat dalam artikel tersebut, dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam buku teks di sekolah dan universiti. Hasil kajiannya mendapati penulis artikel telah menjelaskan bahawa perubahan iklim merupakan satu krisis yang perlu penyelesaian semua pihak untuk mengelakkan kesan yang negatif. Hal ini dibuktikan melalui kehadiran unsur pasif dalam naratif tersebut, misalnya *Different industries will be affected* dan *The crisis will be amplified*. Kajian yang terkini, misalnya Jose-Santiago (2020) telah menganalisis visual yang berkaitan dengan isu persekitaran dalam laman sesawang 20 syarikat global, misalnya *Saudi Aramco*, *Chevron* dan *ExonMobil*, yang dianggap sebagai pencemar tertinggi di dunia. Tujuan kajiannya adalah untuk menentukan bagaimana syarikat tersebut membina reputasi awam sebagai agen yang bertanggungjawab pada persekitaran, khususnya yang berkaitan dengan perubahan iklim. Kajian ini mengaplikasi analisis wacana kritis, ekolinguistik dan multimodal. Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian besar syarikat tersebut tidak menyedari kepentingan isu persekitaran dalam komunikasi awam mereka. Hanya 50% syarikat mempunyai laman sesawang tentang perubahan iklim, sementara satu pertiga daripadanya tidak meletakkan sebarang maklumat tentang persekitaran dalam laman sesawang syarikat, walaupun isu persekitaran akan memberi kesan terhadap aktiviti ekonomi mereka.

Dalam konteks Nusantara pula, ada juga kajian tentang ekolinguistik dari aspek analisis wacana kritis, misalnya Tommi et. (2017), yang meneliti wacana hijau (*green discourse*) berdasarkan analisis wacana kritis. Kajian ini bertujuan untuk menyiasat ideologi yang terdapat dalam wacana persekitaran, iaitu akhbar *Suara Merdeka* dan *Kompas*. Hasil kajian mendapati wacana hijau dieksploitasi dengan lebih berkesan dalam akhbar berbanding sikap dan tindakan masyarakat terhadap isu persekitaran. Kajian yang lebih baru telah dilakukan oleh Arini (2020), iaitu menilai sikap bahasa terhadap laman sesawang pelancongan di Indonesia dari aspek ekolinguistik. Hasil kajiannya mendapati bahawa laman sesawang bukan sahaja digunakan untuk mempromosi keindahan persekitaran di Indonesia, malah dijadikan sebagai platform untuk mendidik masyarakat menghargai alam sekitar.

Berdasarkan perbincangan ini, dapatlah dirumuskan bahawa kajian wacana persekitaran dari perspektif ekolinguistik telah dilakukan oleh ramai pengkaji di dunia. Bagaimanapun, setakat ini tidak ditemui sebarang kajian ekolinguistik dalam konteks di Malaysia. Isu persekitaran sangat relevan dikaji kerana pencemaran alam sekitar khususnya semakin kerap berlaku sama ada pencemaran air, udara dan hutan. Perlu dicungkil bagaimana semua isu persekitaran ini dilaporkan dalam akhbar. Mengambil pandangan Halliday (dalam Rajendra, 2019) bahawa ancaman spesies dan pencemaran bukan sahaja masalah ahli biologi dan fizik, tetapi adalah juga masalah pengkaji linguistik aplikasi. Bertitik tolak daripada kekurangan atau ketiadaan kajian ekolinguistik di Malaysia dan Nusantara amnya, maka kajian ini akan meneliti laporan akhbar tentang isu persekitaran di Malaysia.

3. Metodologi

Kajian ini meneliti laporan akhbar *Harian Metro* secara atas talian tentang pelbagai isu persekitaran di Malaysia. Berdasarkan penelitian, laporan akhbar yang dijadikan sampel kajian hanya tertumpu pada bulan Ogos 2021 kerana banyak kejadian pencemaran berlaku pada bulan tersebut, misalnya pencemaran di sungai Kim Kim dan Pasir Gudang. Kajian ini hanya memilih tajuk yang berkaitan dengan isu pencemaran, misalnya:

Jadual 1: Laporan isu persekitaran

Bil.	Tarikh	Tajuk
1.	1/8/2021	Premis cemar Sungai Kim Kim diarah henti pelepasan
2.	1/8/2021	Loji kumbahan didakwa sebabkan pencemaran Sungai Kim Kim
3.	3/8/2021	SAM gesa siasat pencemaran Parit D3-Paya Mahang
4.	8/8/2021	LUAS ambil tindakan segera terhadap aduan pencemaran
5.	14/8/2021	Limpahan efluen mentah punca ikan mati di Sungai Penchala
6.	14/8/2021	Kilang diambil tindakan, punca ikan mati di Sungai Penchala
7.	18/8/2021	Dua lelaki ditahan buang kulit durian

Jadual 1 menunjukkan terdapat 7 isu persekitaran yang dilaporkan dalam akhbar berkenaan, iaitu isu yang berkaitan dengan air dan sawit. Isu yang berkaitan dengan pencemaran air sungai berlaku kerana pembuangan atau pelepasan sisa buangan. Isu sawit pula disebabkan oleh pembuangan kulit durian di kebun sawit. Setiap isu ini akan dianalisis berdasarkan contoh teks masing-masing.

Analisis dalam kajian ini dilakukan berdasarkan perspektif ekolinguistik. Stibbe (2015) menyatakan “*Ecolinguistics analyses language to reveal the stories we live by, judges those stories from an ecological perspective, resists damaging stories, and contributes to the search for new stories to live by*”. Pernyataan ini menegaskan bahawa bidang ekolinguistik sebenarnya menganalisis (kandungan) bahasa untuk mendedahkan cerita, menilai cerita tersebut daripada perspektif ekologi, dan akhirnya menyumbang pencarian cerita baru dalam kehidupan kita.

Kajian ini akan menerapkan model analisis ekolinguistik oleh Stibbe (2015), yang pada asasnya adalah kerangka kognitif yang menghubungkan idea tentang cerita ekologi di sekitar kita dengan wacana. Model analisis ekolinguistik ini telah mengenal pasti lapan bentuk ‘cerita’ yang merangkumi aspek ideologi, bingkai, metafora, identiti, penilaian, kesalahan (*conviction*), penghapusan (*erasure*) dan kepentingan (*salience*). Dalam kajian ini, hanya aspek penilaian yang diberi perhatian. Huraian tentang aspek penilaian dijelaskan oleh Stibbe seperti yang berikut:

Jadual 2: Penilaian

Jenis cerita	Tentang apa	Apa harus diperhatikan
PENILAIAN	Cerita yang ada dalam fikiran manusia tentang sama ada sesuatu bahagian dalam hidup itu adalah baik atau buruk	Pola penilaian, misalnya hal yang dipersembahkan adalah positif atau negatif.
Contoh: <i>menggerunkan, penyelesaian, meningkatkan, kesedaran, takut, pening, sakit, kecewa, bimbang, kemerosotan, wabak, malapetaka, bencana, kegawatan, teruk, menderita, suram</i>		

Jadual 2 menjelaskan bahawa penilaian berkaitan dengan cerita baik atau buruk yang sedia dalam fikiran manusia, dan cara cerita itu dipersembahkan sama ada secara positif atau negatif. Cerita tersebut dinilai berdasarkan pola bahasa (*linguistic pattern*), yakni sesuatu unsur bahasa (leksikal) positif atau negatif, yang digunakan secara konsisten dalam teks. Dalam hal ini, Stibbe (2015) menegaskan bahawa ‘*Appraisal patterns are of key interest in ecolinguistics because of their power to influence whether people think of an area of life positively or negatively*’. Berdasarkan pernyataan ini, dapatlah difahami bahawa pola leksikal menjadi tumpuan dalam kajian ekolinguistik kerana kuasa perkataan tersebut dapat mempengaruhi pemikiran manusia sama ada positif atau negatif. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 2, pola leksikal tertentu dapat digambarkan melalui pelbagai penanda bahasa (*linguistic markers*) tertentu, misalnya *takut, kecewa, bimbang* atau *penderitaan* berfungsi untuk menggambarkan ekspresi yang negatif, sementara *penyelesaian, meningkatkan, kesedaran* adalah gambaran ekspresi yang positif. Hal ini boleh dikesan melalui penggunaan bahasa dalam wacana akhbar.

4. Hasil dan Perbincangan

Dalam bahagian ini, perbincangan akan tertumpu pada analisis teks terhadap isu persekitaran yang telah dikenal pasti, misalnya:

Contoh 1: SAM gesa siasat pencemaran Parit D3-Paya Mahang

Pihak berkuasa berkaitan digesa untuk menyiasat dan mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah pencemaran air dari Parit D3-Paya Mahang, di sini, dengan segera. Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), R Meenakshi berkata, pihaknya pernah membangkitkan isu berkenaan, namun sehingga kini tiada tindakan berkesan diambil. Menurutny, pemeriksaan dijalankan mendapati air parit terdapat kotor, berbau, berkelodak dan keadaan seakan-

akan berminyak dapat dilihat dengan jelas dari jalan utama. Katanya, kualiti air semakin buruk dan saliran air dari parit yang tercemar itu menuju ke lembangan Sungai Jawi seterusnya ke muara Sungai Jawi dan akhirnya ke laut. "Berdasarkan maklum balas yang diterima, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Seberang Perai Selatan sudah menjalankan siasatan terhadap aduan oleh SAM.

"Pihak terbabit menyatakan antara punca air parit menjadi hitam dan kotor disebabkan berlaku aktiviti penternakan khinzir di persekitaran Parit D3 (Paya Mahang).

"Malah, dilaporkan air dari ladang ternakan berkenaan mengalir secara terus ke dalam parit berdekatan dan masuk ke dalam parit itu," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Menurutnya, keadaan itu menunjukkan perkara terbabit sudah lama terjadi dan diketahui pihak berkuasa, tetapi masalah *pencemaran* ini masih tiada kesudahan.

"Ia seperti keadaan yang berlaku di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, di mana sisa kumbahan ternakan babi membelenggu penduduk selama lebih 40 tahun.

Berdasarkan konsep 'cerita' oleh Stibbe (2015), contoh 1 di atas adalah cerita tentang pencemaran air, yang berlaku di Parit D3-Paya Mahang. Isu ini telah dikemukakan oleh Sahabat Alam Malaysia (SAM). Kemudiannya pihak berkuasa, iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Seberang Perai Selatan telah melakukan siasatan terhadap aduan ini. Daripada perspektif ekolinguistik, terdapat banyak bukti leksikal dalam laporan ini, yang berkaitan dengan isu pencemaran air, misalnya air parit terbabit menjadi *kotor*, *berbau*, *berkelodak* seperti berminyak. Hal ini telah menjejaskan kualiti air. Hasil siasatan pihak terbabit, mendapati punca air parit menjadi hitam dan kotor kerana penternakan khinzir di sekitar Parit D3. Persoalannya, cerita pencemaran air sebenarnya sudah lama terjadi dan diketahui oleh pihak berkuasa, tetapi masih tiada penyelesaian. Jika berdasarkan konsep penilaian oleh Stibbe (2020), pencemaran air yang disebabkan oleh penternakan babi adalah salah satu cerita yang telah sedia tersimpan dalam minda penduduk di situ. Dalilnya, hal yang sama pernah dan masih berlaku di Kampung Selamat Tasek Gelugor, iaitu sisa kumbahan ternakan babi menjadi penyebab pencemaran air selama 40 tahun. Maka penilaian cerita ini adalah buruk, iaitu melalui penggunaan kata yang berunsur negatif, misalnya *tercemar*, *pencemaran* dan *membelenggu*. Semua perkataan ini menggambarkan ketakselesaan masyarakat setempat tentang isu kumbahan ternakan babi.

Contoh 2: Loji kumbahan didakwa sebabkan pencemaran Sungai Kim Kim

Sebuah loji kumbahan berhampiran Sungai Kim Kim, di sini, didakwa menjadi punca utama yang menyebabkan air Sungai Kim Kim berubah warna kehitaman dan berbau busuk, sejak Rabu lalu.

Ketua Kampung Bukit Pulai Zulkifly Kassim berkata, pencemaran yang berlaku lima hari lalu disebabkan pembuangan air kumbahan tidak dirawat ke sungai itu.

Menurutnya, penduduk mula menyedari berlakunya pembuangan air sisa kumbahan di Sungai Kim Kim sejak setahun lalu.

Katanya, ia menyebabkan insiden air Sungai Kim Kim bertukar kehitaman dan berbau busuk berlaku beberapa kali sejak tahun lalu.

"Penduduk tahu pencemaran di Sungai Kim Kim berpunca daripada air sisa kumbahan yang tidak dirawat, berikutan warna air dan bau busuknya yang sama dalam beberapa insiden sebelum ini, yang disahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai air kumbahan.

"Walaupun pencemaran air sisa kumbahan ini tidaklah memberi kesan teruk kepada penduduk berbanding insiden pembuangan sisa toksik beberapa tahun lalu, ia tetap membuatkan kehidupan penduduk terjejas.

"Penduduk dimaklumkan mereka yang mempunyai masalah kesihatan terutama warga emas, ibu mengandung dan kanak-kanak berisiko mendapat kesan kesihatan jika terlalu lama menghidu bau itu malah pendapatan nelayan kecil terjejas kerana hidupan air lari ke kawasan lain," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, hasil pemantauan penduduk kampung sejak tahun lalu, air sisa kumbahan akan dilepaskan ketika malam atau hujan lebat bagi mengaburi mata penduduk serta pihak berkuasa.

"Namun kali ini dalangnya tersilap langkah kerana Rabu lalu tidak hujan menyebabkan penduduk dapat lihat air bertukar hitam dan menghidu bau amat busuk sebelum membuat laporan kepada JAS," katanya.

Hari ini media melaporkan, sebuah premis bukan industri di Pasir Gudang, di sini, diarahkan menghentikan pelepasan tidak dirawat dengan serta-merta ke Sungai Kim Kim, yang menyebabkan sungai itu tercemar semula dan berbau busuk, sejak Rabu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor R Vidyananthan, dilaporkan berkata, pengendali premis berkenaan juga sudah diarahkan menjalankan langkah pembaikan segera bagi memastikan kualiti air Sungai Kim Kim tidak lagi dicemari.

Siasatan susulan yang dijalankan mendapati premis berkenaan sedang menjalankan kerja penyelenggaraan sehingga menyebabkan berlakunya pelepasan air sisa buangan tanpa dirawat mengalir memasuki Sungai Kim Kim. Sementara itu, tinjauan di kawasan hulu Sungai Kim Kim yang terletak di Kampung Bukit Pulai mendapati keadaan air sungai itu kembali ke asal selain bau busuk juga sudah hilang. Ia disebabkan hujan lebat lebih tiga jam sejak 7 pagi tadi.

Contoh 2 di atas menggambarkan isu pencemaran yang hampir sama dengan contoh sebelumnya. Lokasi kejadian ialah di Sungai Kim Kim. Punca pencemaran disebabkan oleh air kumbahan dan sisa toksik. Data ini memperlihatkan penggunaan kolokasi yang berkaitan dengan isu pencemaran. Menurut *Oxford Dictionary of English Grammar* (1998) kolokasi merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh Firth, iaitu hubungan antara perkataan secara sintakmatik, iaitu pasangan atau sekumpulan perkataan yang lazimnya digunakan secara bersama. Misalnya kata *sisa* boleh hadir bersama atau berkolokasi dengan perkataan *kumbahan* dan *toksik* – *sisa kumbahan* atau *sisa toksik*. Kata *sisa* mempunyai konotasi yang negatif, iaitu lebihan atau bahan buangan. Manakala *kumbahan* merujuk kepada sisa buangan bawaan air sama ada terlarut atau terampai. Kata *kumbahan* juga boleh berkolokasi dengan *loji kumbahan* dan *air kumbahan*. *Loji kumbahan* Frasa *air kumbahan* lazimnya disebut sebagai pembuangan air kumbahan, yang mempunyai maksud yang hampir sama dengan sisa kumbahan (bahan buangan).

Kata *toksik* pula bermaksud asas dan bahan buangan kimia yang boleh menyebabkan pencemaran alam (Kamus Dewan, 2005:1702). Kesan pembuangan air kumbahan telah menyebabkan air bertukar warna hitam dan berbau busuk. Sebagaimana contoh sebelumnya, pembuangan sisa kumbahan telah menyebabkan air sungai menjadi hitam dan berbau busuk. Dan pencemaran air ini dapat menyebabkan masalah kesihatan kepada warga emas, ibu mengandung, kanak-kanak dan nelayan. Satu hal yang menarik, setiap laporan pencemaran akan melibatkan pihak berkuasa, misalnya Jabatan Alam Sekitar (JAS). Maksudnya, penduduk sekitar telah membuat aduan supaya pihak berkuasa mengambil tindakan yang sewajarnya.

Dari aspek penilaian, cerita pencemaran dalam contoh 2 menggunakan pola bahasa yang negatif dan positif. Kata negatif ditunjukkan oleh *tercemar*, *dicemari*, *teruk*, *pelepasan* dan *terjejas*. Menurut Stibbe (2015), sistem bahasa telah memberikan ‘potensi’ sesuatu perkataan itu sama ada bermaksud positif atau negatif. Misalnya, perkataan *convenient* (selesa/menyenangkan) diberi penilaian yang positif, berbanding dengan *inconvenient* (tak selesa/tak menyenangkan) yang ada maksud negatif. Berkaitan dengan hal ini, kata *tercemar* dan *dicemari* misalnya ada nilai negatif yang merujuk kepada air sungai yang telah tercemar disebabkan pembuangan sisa kumbahan dan toksik. Manakala kata *pelepasan* dalam konteks ini juga ada nilai negatif, iaitu merujuk kepada proses pembuangan bahan buangan yang menyebabkan sungai tercemar. Begitu juga dengan kata *teruk* dan *terjejas* yang berkaitan dengan kesan pencemaran kepada kehidupan penduduk sekitar di sungai tersebut.

Kata berunsur positif pula diwakili oleh kata *pemantauan*, *pembaikan*, *penyelenggaraan* dan *dirawat*. Kata *pemantauan* merujuk kepada usaha mengawal pencemaran oleh penduduk. Kata *pembaikan*, *penyelenggaraan* dan *dirawat* pula berkaitan dengan proses menambah baik atau membaik pulih kualiti air sungai yang telah tercemar oleh pihak yang bertanggung jawab. Dalam perkataan lain, semua perkataan berunsur positif ini berfungsi sebagai penyelesaian isu pencemaran air.

Contoh 3: Limpahan efluen mentah punca ikan mati di Sungai Penchala

Sebuah premis yang terletak di Jalan Profesor Khoo Kay Kim, Petaling Jaya diarah menghentikan operasi selepas berlaku pelepasan limpahan efluen mentah daripada tangki 'Equalisation Tank' premis sehingga menyebabkan insiden hidupan air di Sungai Penchala mati, Khamis lalu. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dalam satu kenyataan di Facebooknya berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor menerima aduan berkenaan kejadian ikan mati di Sungai Penchala, pada 8 pagi Khamis lalu.

Katanya, susulan aduan itu JAS melakukan siasatan di sepanjang sungai itu termasuk di dalam kawasan perindustrian serta loji kumbahan yang berpotensi menyebabkan pencemaran di sungai berkenaan sebelum menemui punca pencemaran di premis terbabit.

Katanya, siasatan JAS juga mendapati ketika kejadian, tiada Orang Yang Berwibawa (OYB) bertugas.

"JAS sudah mengarahkan supaya pemilik premis menghentikan operasi dan mengambil tindakan pembaikan dengan segera.

"Jabatan Perikanan Daerah Petaling juga menjalankan persampelan ke atas ikan yang mati dan hasil siasatan forensik akan dilaporkan kepada pihak JAS bagi mendapatkan punca kejadian sebenar," katanya.

Pada masa sama, katanya, insiden itu juga sudah dimaklumkan kepada agensi berkaitan seperti Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Perikanan Daerah Petaling untuk tindakan selanjutnya. Kementerian itu berkata, siasatan dijalankan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Contoh 3 di atas pula masih berkisar tentang cerita pencemaran air, yang berlaku di Sungai Penchala, Petaling Jaya. Kluster perkataan yang menjadi punca pencemaran air, misalnya *loji kumbahan* dan *efluen mentah*. Frasa *loji kumbahan* agak tipikal dalam konteks pencemaran air, dan telah disebut dalam contoh 2 sebelumnya. Bagaimanapun, frasa *efluen mentah* merupakan elemen baru, yang merujuk kepada sisa buangan cecair seperti bahan kimia, kumuhan dan sebagainya. Dalam hal ini, Stibbe (2015) menjelaskan bahawa penilaian boleh dilakukan berdasarkan analisis ekologi, dan pengkategorian sesuatu wacana sama ada bermaksud *destructive* (merosakkan) atau *beneficial* (berfaedah). Berdasarkan pernyataan ini, terdapat beberapa perkataan yang membawa manfaat kepada masyarakat dan boleh dikategorikan sebagai berfaedah, misalnya *menghentikan (operasi)*, dan *pembaikan*. Semua perkataan ini berkaitan dengan proses pembaikan yang dilakukan oleh pihak berkuasa khususnya. Antara agensi yang terlibat ialah JAS, KASA, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Perikanan Daerah Petaling. Manakala perkataan *pencemaran* dan *pelepasan* membawa kerosakan kepada masyarakat.

Contoh 4: Dua lelaki ditahan buang kulit durian

Dua lelaki yang sedang leka membuang kulit durian di kawasan kebun kelapa sawit ditahan penguat kuasa Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Raub berhampiran Taman Mawar, Sungai Ruan di Raub, semalam.

Suspek masing-masing berusia dalam lingkungan 20-an itu ditahan ketika operasi penguatkuasaan sampah haram kulit durian dilakukan selepas SWCorp menerima maklumat orang awam yang disalurkan kepada Majlis Daerah Raub pada 3 petang.

Pengarah SWCorp Pahang Sharudin Hamid berkata, berdasarkan maklumat dan risikan, sepasukan penguat kuasa SWCorp berjaya menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda bersama dua suspek terbabit.

Katanya, ketika ditahan, dua lelaki terbabit memberi kerjasama dan disyaki melakukan kesalahan mengikut Seksyen 71 (1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

"Kesalahan yang dilakukan ialah melonggok dan melupuskan kulit durian di tempat yang tidak dibenarkan di kawasan persendirian.

"Dalam kes ini, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang RM10,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak kurang enam bulan dan tidak lebih lima tahun," katanya ketika dihubungi, hari ini. Beliau berkata, siasatan awal mendapati dianggarkan 500 kilogram kulit durian dibuang di kawasan kebun terbabit. Katanya, dengan tindakan yang dikenakan terhadap suspek terbabit diharap memberi pengajaran kepada individu lain untuk tidak melakukan perbuatan sama.

"Bagi memastikan perbuatan terbabit dapat dihentikan, kerjasama orang ramai diharap membantu melaporkan kepada SWCorp untuk tindakan.

"Kita tidak mahu kawasan kebun atau persendirian dijadikan tempat pembuangan kulit durian hingga mengundang pencemaran terutama bau busuk," katanya.

Untuk rekod, Pada 15 Julai lalu, seorang lelaki ditahan ketika membuang kira-kira satu tan kulit durian di kawasan perkuburan Sempam di Cheroh, Raub.

Dapat diperhatikan contoh 4 mempunyai cerita pencemaran yang berbeza daripada 3 contoh sebelumnya. Isunya adalah tentang pencemaran bau busuk, yang disebabkan oleh pembuangan kulit durian di kawasan kebun kelapa sawit di Raub. Teks ini banyak menggunakan leksikal yang menggambarkan tindakan yang

dilakukan oleh pihak berkuasa, iaitu Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), *ditahan, penguatkuasaan, kesalahan, siasatan dan didenda*. Suspek yang terlibat telah ditahan dan didenda untuk memberi pengajaran kepada individu lain. Tindakan ini telah memberi manfaat atau faedah kepada kesejahteraan masyarakat setempat.

5. Kesimpulan

Analisis dalam makalah ini telah memperlihatkan bahawa akhbar berfungsi untuk melaporkan cerita pencemaran yang berlaku di sekitar masyarakat. Melalui akhbar, manusia menzahirkan perasaan mereka terhadap alam persekitaran. Misalnya, isu pencemaran air telah mewujudkan perasaan takut, bimbang dan gerun dalam kalangan penduduk setempat kerana kualiti kehidupan yang semakin teruk. Justeru, akhbar telah memainkan peranannya, dengan melaporkan sebarang tindakan oleh pihak berkuasa untuk memperbaiki sistem yang telah dirosakkan oleh pihak tertentu.

Berdasarkan analisis wacana dalam kajian ini, berikut dirumuskan pola leksikal dalam aspek penilaian sebagaimana yang dicadangkan oleh Stibbe (2015).

Jadual 3: Pola leksikal

Pola leksikal berunsur positif	Pola leksikal berunsur negatif
<i>pembaikan, penyelenggaraan, dirawat, menghentikan, pembaikan</i>	<i>tercemar, pencemaran, dicemari, pencemaran, pelepasan, sisa kumbahan, sisa toksik, loji kumbahan, air kumbahan, efluen mentah, kulit durian</i>
<i>pemantauan, ditahan, penguatkuasaan, kesalahan, siasatan, didenda</i>	<i>membelenggu, teruk, terjejas, kotor, keruh, berbau, berkelodak</i>

Jadual 3 di atas memperlihatkan pola leksikal berunsur positif dan negatif, yang berkaitan dengan isu pencemaran alam. Pola leksikal berunsur positif menunjukkan dua jenis tindakan yang dilakukan oleh pihak yang bertanggung jawab dalam usaha mengatasi masalah pencemaran, misalnya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS), iaitu pembaikpulihan (*pembaikan, penyelenggaraan, dirawat*) dan penguatkuasaan (*pemantauan, ditahan, penguatkuasaan*). Manakala pola leksikal berunsur negatif diwakili oleh dua kluster, iaitu kerosakan atau bencana (*tercemar, pencemaran, sisa kumbahan, sisa toksik*) dan kesakitan (*membelenggu, teruk, terjejas, kotor*). Kluster perkataan dengan maksud kerosakan/bencana digunakan secara konsisten dalam laporan akhbar tentang isu pencemaran, misalnya pembuangan sisa kumbahan dan sisa toksik yang telah berlaku sejak sekian lama. Hal ini telah memberi kesan yang teruk dan terus membelenggu masyarakat penduduk di sekitar kawasan pencemaran. Leksikal *kotor, keruh, berbau* dan *berkelodak* turut digunakan secara konsisten dalam beberapa laporan akhbar untuk menggambarkan ketidakselesaan masyarakat setempat.

Sesungguhnya analisis ekolinguistik adalah bermanfaat kerana dapat memperlihatkan penggunaan leksikal tertentu, yang dapat menggambarkan pemikiran yang positif atau negatif, yang boleh mempengaruhi perlakuan manusia untuk mewujudkan suasana persekitaran yang lebih baik. Kajian ekolinguistik perlu diperluas kerana kini semakin banyak isu persekitaran berlaku di Malaysia. Selain isu pencemaran air, sampah atau udara, isu perubahan iklim sudah menjadi isu global, yang harus dicari penyelesaiannya. Kajian ekolinguistik besar kemungkinannya dapat mengungkapkan isu perubahan iklim dan isu persekitaran lain yang berlaku di Malaysia.

Penghargaan

Makalah ini adalah hasil daripada geran penyelidikan khas top down UKM Bahasa Melayu, yang bertajuk ‘Wacana persekitaran daripada perspektif ekolinguistik pada tahun 2021.

Rujukan

- Alexander, R. (2010). *Framing discourse on the environment: a critical discourse approach*. London. Routledge.
- Arini Isti'anah. (2020). (Re)Evaluating language attitude on Indonesian tourism website: A study on ecolinguistics. *Studies in English Language and Education*. 7(2). 622-641.
- Chen, S. (2016). Language and ecology: A content analysis of ecolinguistics as an emerging research field. *Ampersand* 3. 2016.108-116.
- Doulton, H. & K. Brown. (2009). Ten years to prevent catastrophe? Discourse of climate change and international development in the UK press. *Global Environmental Change*. 19.2. 191-202.
- Hogben, S. (2008). It's (not) easy being green: unpacking visual rhetoric and environmental claims in car, energy and utility advertisements in the UK (2007-08)1. *Language & Ecology* 3:1.
- Jhapet, A.S. & Komolafe, O.E. (2015). Ecolinguistics in Nigerian environmental communication: Linking the print media reports with the daily press review broadcasts. *Language and Ecology* 2015. 1-14.
- Jihan Hassan Mohammed Ali. (2019). Ecolinguistics and systemic functional linguistics (SFL): Transitivity in 'Climate Change in Egypt' by Ali Masria. *International Journal of Humanities and Social Science*.1 (1) 9:9-38.
- Jose-Santiago Fernnandez-Vazquez. (2020). *Analyzing the environmental websites of the world's greatest polluters: A multimodal ecolinguistics approach*. Routledge. Taylor and Francis Group.
- Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalil, N., Husin, H.N., Mahat, N. & Nasir, N. (2011). Sustainable environment: Issues and solutions from the perspective of facility managers. *Procedia Engineering* 20 (2011). 458-465.
- Kinefuchi, E. (2018). Critical discourse analysis and the ecological turn in cultural communication. *Review of Communication*. 2018. Vol. 18, No. 3. 212-230.
- Lei, I. (2021). Exploring ecological identity from the perspective of systemic functional linguistics. *Journal of World Languages*. 2021; 7(3): 487-514.
- Milstein, (2011). Nature identification: the power of pointing and naming. *Environmental Communication* 5: 1, 3-24.
- Norton, C. & Mike Hulme. (2019). Telling one story, or many? An ecolinguistic analysis of climate change stories in UK national newspaper editorials. *Geoforum*. Vol. 104. August 2019. 114-136.
- Oxford Dictionary of English Grammar*. 1998. Oxford University Press.
- Rajendra Kumar Dash. (2019). Ecolinguistics and endangered languages. *IOSR Journal of Humanities and Social Science*. Volume 24, Issue 5, Ser. 6 (May. 2019) 14-16.
- Sedlaczek, A., S. (2015). Representations of climate change in documentary television. Integrating an ecolinguistic and ecosemiotic perspective into a multimodal critical discourse analysis. *Language & Ecology* 2016 www.ecoling.net/articles.1-19.
- Stibbe, A. (2005). Ecology and the magic of economics. *Language and Ecology*. 1-4.
- Stibbe, A. (2015). *Ecolinguistics: language, ecology and the stories we live by*. London. Routledge.
- Todd LeVasseur. (2014). Defining "Ecolinguistics?": Challenging emic issues in an evolving environmental discipline. *Journal of Environmental Studies and Sciences*. Vol.3. number 3. 1-7.
- Tommi Yuniawan, Fathur Rokhman, Rustono, Hari Bakti Mardikanoro. (2017). The Study of Critical Eco-Linguistic in Green Discourse: Prospective Eco-Linguistic Analysis. *Humaniora*. Vol. 29. Number 3. Oct. 2017. 291-300.
- Zhuo, X. (2019). An ecological discourse analysis of the report of the 19th National Congress of the Communist Party of China. *Theory and Practice in Language Studies*. Vol. 9. P. 1191-1197.

Biodata penulis

Mohammad Fadzeli Jaafar (PhD) ialah pensyarah di Program Linguistik, UKM. Bidang penielidikannya termasuklah stilistik, analisis wacana dan sosiolinguistik. Hasil penielidikannya diterbitkan dalam jurnal *GEMA Online, Indonesian Journal of Applied Linguistic (IJAL)*, *Jurnal Kemanusiaan* dan *Kajian Malaysia*.

Azhar Jaludin (PhD) ialah pensyarah di Program Linguistik, UKM. Bidang penielidikannya termasuklah linguistik korpus dan psikolinguistik. Hasil penielidikannya diterbitkan dalam jurnal *GEMA Online* dan bab dalam buku.